



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
ENTREPRENEURSHIP AND  
MANAGEMENT PRACTICES  
(IJEMP)

[www.ijemp.com](http://www.ijemp.com)



SUMBANGAN DAN POTENSI WAKAF DALAM USAHA  
MENCAPAI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN DI  
MALAYSIA

*THE CONTRIBUTION AND POTENTIALITY OF WAQF IN ACHIEVING THE  
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS IN MALAYSIA*

Muhamad Husni Hasbulah<sup>1</sup>, Norazam Nordin<sup>2</sup>, Wan Mohd Amjad Wan Halim<sup>3</sup>, Mohamad Khairul  
Izwan Rifin<sup>4</sup>, Ahmad Faiek Shahatha Al-Mashhadani<sup>5</sup>, Afiffudin Mohammed Noor<sup>6\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Muamalat and Islamic Finance, Kolej Universiti Islam Perlis, Perlis.

Email: husni@kuips.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka, Melaka

Email: azamnordin@unimel.edu.my

<sup>3</sup> School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Kedah

Email: amjad@uum.edu.my

<sup>4</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

Email: khairulizwan@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Kulliyah of Shariah & Law, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Email: almashhadani@unishams.edu.my

<sup>6</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Perlis

Email: afiffudin@uitm.edu.my

\* Corresponding author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

**To cite this document:**

Hasbulah, M. H., Nordin, N., Halim, W. M. A. W., Rifin, M. K. I., Al-Mashhadani, A. F. S., & Noor, A. M. (2024). Sumbangan Dan Potensi

**Abstrak:**

Matlamat Pembangunan Mampan atau dikenali sebagai *Sustainable Development Goals (SDG)* seringkali menjadi topik hangat perbincangan oleh negara-negara membangun. Kini *SDG* telah diterapkan dalam polisi dan pembangunan negara-negara di dunia termasuk Malaysia. Perkara tersebut juga telah diusulkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan menjadi matlamat yang ingin dicapai oleh dunia pada tahun 2030. Justeru, objektif kajian ini adalah menganalisis sumbangan dan potensi wakaf dalam usaha mencapai matlamat pembangunan mampan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang mana aktiviti pengumpulan data dilaksanakan menerusi metode kepustakaan. Sumber data dalam kajian ini adalah dokumen-dokumen yang terdiri daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku, artikel, makalah serta akhbar. Selain itu pengkaji turut

Wakaf Dalam Usaha Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (25), 282-295.

DOI: 10.35631/IJEMP.725024.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



mendapatkan data daripada sumber laman sesawang rasmi yang diiktiraf dalam kajian akademik. Setelah itu, dokumen-dokumen berkenaan dianalisis dengan kaedah analisis kandungan bagi melihat sumbangan dan potensi wakaf dalam mencapai matlamat pembangunan mampan berdasarkan kepada tujuh belas matlamat dalam *SDG*. Hasil kajian mendapati bahawa wakaf juga turut menyumbang dan berpotensi dalam mencapai beberapa matlamat daripada tujuh belas matlamat yang terkandung dalam *SDG* sepertimana yang dipaparkan dalam dapatan kajian ini.

#### Kata Kunci:

Pembangunan Mampan, *SDG*, Wakaf

#### Abstract:

The Sustainable Development Goals, or SDGs, are an increasingly common subject of discussion in developing countries. The Sustainable Development Goals (SDGs) are currently being implemented in Malaysia and other nations' policies and development with the objective, of which the world hopes to accomplish by 2030, was also put forth by the United Nations (UN). Thus, the aim of this research is to examine the role and potential of waqf in supporting Malaysia towards sustainable development. This study employs library research for data collection, thus constituting qualitative in nature. Materials include books, journals, papers, and newspapers which include scientific research. Furthermore, the researcher acquired information directly from official websites that have been recognised in academic research. Subsequently, the documents were further analyse in order to determine waqf's potential and contribution to the achievement of the seventeen Sustainable Development Goals (SDGs). The results of the study found that waqf also contributes and are potentially adhere to achieve some of the seventeen goals contained in the SDGs as further discussing in the findings of this study.

#### Keywords:

Sustainable Development, *SDG*, Waqf

## Pengenalan

Negara-negara di seluruh dunia menjadikan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals/*SDG*) sebagai topik utama untuk dikaji secara menyeluruh. Hal ini kerana, bagi membangunkan sesebuah negara pihak kerajaan perlu mengkaji sesuatu dasar yang boleh memberikan manfaat bukan sahaja kepada generasi terkini malah boleh dinikmati oleh generasi akan datang. *SDG* merupakan hasil resolusi perbincangan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB melalui Resolusi Agenda 2030 (Resolusi PBB, 2015). Berdasarkan resolusi mesyuarat agung PBB tersebut, terdapat tujuh belas sasaran *SDG* untuk dipenuhi setiap negara bagi mencapai pembangunan negara yang lestari. Agenda tersebut menerusi 17 *SDG* merupakan pelan dan dasar yang sistematik dan bersepadu untuk dicapai menjelang 2030. Oleh yang demikian artikel ini cuba menganalisis sumbangan dan potensi wakaf dalam mencapai matlamat pembangunan mampan di Malaysia. Namun skop kajian ini dibataskan kepada lima sasaran iaitu:

1. Tiada kemiskinan
2. Kesihatan dan kesejahteraan
3. Pendidikan yang berkualiti
4. Ketersediaan pengurusan air dan sanitasi yang mampan
5. Pengembangan kerjaya dan pertumbuhan ekonomi

Justifikasi pengkaji dalam membataskan kajian kepada lima sasaran ini kerana ianya merupakan antara matlamat yang perlu diberi keutamaan di Malaysia. Ini kerana bagi pengkaji, kelima-lima sasaran yang hendak dikaji merupakan asas kepada kemajuan sosio-ekonomi sesebuah negara dan juga faktor utama dalam kemajuan sesebuah peradaban dan tamadun manusia.

### Kajian Literatur

*SDG* pertama meletakkan sasaran untuk memberikan penyelesaian kepada masalah kemiskinan yang melampau di peringkat global. Terdapat beberapa strategi bagi menjayakan *SDG* pertama seperti pengukuhan skim perlindungan sosial, menjamin hak pemilikan yang adil menyediakan perkhidmatan basis dan teknologi yang kukuh (Resolusi PBB, 2017). *SDG* kedua ialah menasaskan usaha untuk mengakhiri masalah kebuluran. Menjelang 2030, disasarkan tiada manusia yang mengalami masalah kebuluran atau sifar kebuluran di peringkat global. Strategi bagi mengatasi masalah tersebut ialah dengan meningkatkan akses kepada makanan, membantaras isu eksploitasi perdagangan makanan, memperbanyakkan sumber makanan yang berzat serta mengatasi isu penyelewengan pasaran pertanian (Laurence Chandy et.al, 2018).

*SDG* ketiga ialah memastikan khidmat kesihatan dan kesejahteraan yang optimum pada peringkat global. Bagi menjayakan objektif ini, konvensyen gerak kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah dilaksanakan bagi membincangkan penyelesaian kepada isu-isu kesihatan sosial, vaksinasi, akses kesihatan, agenda menyokong negara membangun dalam sektor kesihatan serta menambah baik sistem pengesanan risiko kesihatan di peringkat global (Ritchie et al., 2018). Seterusnya, *SDG* keempat ialah untuk mempromosikan Pendidikan yang berkualiti, inklusif, adil dan peluang untuk pengajian berterusan untuk semua pihak. Bagi mencapai matlamat ini, seruan kepada pihak kerajaan untuk menyediakan pendidikan yang percuma di peringkat rendah dan menengah, menyediakan peluang pendidikan yang adil, biasiswa pengajian serta meningkatkan profesionalisme para guru khususnya di negara membangun. (UNDP, 2021).

*SDG* kelima ialah untuk mempromosi kesaksamaan gender melalui pemerkasaan golongan wanita. Objektif pelaksanaan *SDG* kelima ini ialah untuk menangani budaya diskriminasi gender serta mengangkat martabat kaum wanita. Usaha ini termasuk untuk mengakhiri masalah eksploitasi ke atas kaum wanita dan kanak-kanak perempuan (UNDP, 2016). *SDG* keenam pula ialah untuk memastikan kelestarian bekalan air bersih dan sanitasi yang mencukupi bagi semua pihak. Bagi merealisasikan *SDG* keenam, pelaksanaan rawatan air kumbahan, memperbaiki kualiti air, memastikan akses kepada air yang selamat digunakan kepada segenap lapisan masyarakat. Seterusnya dilaksanakan Pelan perlindungan dan pemulihan ekosistem air di peringkat global (UNICEF, 2017). *SDG* ketujuh menumpukan akses kepada tenaga yang lestari serta teknologi yang moden untuk semua. Melalui matlamat tersebut, difokuskan kepada penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui dan meningkatkan infrastruktur tenaga yang

efisien. Perkara ini termasuk menggalakkan penyelidikan dalam menghasilkan sumber tenaga bersih serta mudah diakses oleh semua pihak (UNDP, 2015).

*SDG* kelapan memberikan penekanan kepada penghasilan pekerjaan yang stabil melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan. Usaha ini dijalankan dengan mensasarkan penambahbaikan teknologi, inovasi, memantapkan sektor industri kecil sederhana serta mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia (*SDG Report*, 2020). *SDG* kesembilan menfokuskan pembangunan infrastruktur yang lestari, mempromosikan perindustrian yang mampan dan menggalakkan inovasi pada peringkat global. Melalui matlamat tersebut, diberikan penekanan kepada suntikan dana terhadap projek penyelidikan dan pembangunan jangka masa panjang serta pembangunan infrastruktur ekonomi pada peringkat global. (*SDG Report*, 2021). *SDG* kesepuluh menumpukan kepada usaha untuk mengurangkan ketaksamaan di dalam dan antara negara. Usaha ini melibatkan ketaksamaan pendapatan dan diskriminasi perdagangan di antara negara maju dan negara membangun. Seterusnya, situasi COVID-19 memberikan kesan yang lebih teruk kepada ketaksamaan dan diskriminasi kepada negara-negara miskin. Oleh itu, *SDG* kesepuluh bertujuan membanteras budaya tidak sihat tersebut demi menjamin kelestarian ekonomi di antara negara-negara (*SDG Report*, 2021).

*SDG* kesebelas menyentuh aspek perumahan dan penempatan yang selamat serta lestari di kawasan bandar raya pada peringkat global. Melalui matlamat tersebut, difokuskan peruntukan perumahan yang selamat dan kondusif. Seterusnya, *SDG* sebelas juga menekankan pembangunan infrastruktur yang mampan bagi menampung penduduk yang semakin bertambah menjelang tahun 2030. Usaha tersebut juga merangkumi penyediaan akses pengangkutan awam yang lebih cekap dan selamat (UNDP, 2019). *SDG* kedua belas menekankan kelestarian penggunaan bahan semula jadi dengan lebih efisien serta lebih bertanggungjawab. Sasaran ini dilaksanakan melalui fokusnya kepada meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga semula jadi melalui pembangunan infrastruktur yang lestari serta selamat digunakan. *SDG* ketiga belas menggesa negara-negara di seluruh dunia untuk mengambil langkah proaktif untuk menangani masalah perubahan iklim serta kesannya kepada penduduk di dunia (UNDP, 2020).

*SDG* ketiga belas memperuntukkan penekanan kepada menyelesaikan dengan segera perubahan iklim serta kesannya kepada peringkat global. Perkara ini berlaku antaranya kerana pencemaran berpunca daripada gas rumah hijau. Akibatnya, berlaku pemanasan global dan paras air laut semakin meningkat. Perkara ini mengakibatkan terjejasnya kehidupan serta menyebabkan kerugian negara-negara di peringkat global (UNDP, 2020). *SDG* keempat belas menumpukan kehidupan dan habitat marin. Fokusnya untuk memelihara dan memulihara biodiversiti kehidupan marin yang telah terjejas pencemaran laut di seluruh dunia (UNDP, 2020). *SDG* kelima belas bertujuan menyelamatkan kehidupan di darat. Tumpuannya ialah kepada kehidupan hutan yang semakin berkurangan akibat penebangan hutan dan aktiviti manusia secara haram yang berlaku saban tahun. Pembotakan hutan dan bukit bukau secara haram bukan sahaja boleh mengakibatkan berlakunya musibah besar seperti banjir dan tanah runtuh malah, turut menjejaskan habitat hidupan liar (UNDP, 2020).

*SDG* keenam belas memberikan penumpuan kepada keamanan, kesejahteraan, keadilan dan institusi yang mampan. Perkara ini amat penting terutamanya dalam menyelesaikan isu ekstrimisme seperti keganasan antarabangsa, isu eksploitasi kanak-kanak, pemerdagangan

manusia dan jenayah seksual. Matlamat tersebut juga menfokuskan pengukuhan kedaulatan undang-undang negara dan peringkat global (UNDP, 2020). *SDG* ketujuh belas ialah agenda memperkasakan hubungan di antara negara-negara melalui perkongsian dan kerjasama di peringkat antarabangsa. Usaha tersebut bertujuan mengukuhkan hubung jalin di antara negara maju dan negara membangun melalui usaha sama untuk menggandakan hasil domestik negara membangun (UNDP, 2020).

Oleh kerana *SDG* dilihat sangat penting dan juga agak mencabar untuk dicapai, maka semua pihak perlu memainkan peranan yang sewajarnya dalam usaha ke arah mencapai setiap matlamatnya. Selain itu apa yang perlu dititikberatkan adalah strategi dan kaedah yang signifikan. Dalam hal ini pengkaji cuba untuk melihat peranan dan potensi yang mampu dilaksanakan menerusi wakaf dalam mencapai matlamat-matlamat tersebut.



**Rajah 1: Indikator Matlamat Pembangunan Mampan 2030**

Source: Sumber: The Sustainable Development Goals Report, 2021

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan menerusi kajian kepustakaan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode analisis dokumen sebagai metode utama dalam aktiviti pengumpulan data. Melalui metode ini, pengkaji mengumpul data daripada beberapa dokumen seperti buku-buku, artikel, makalah, akhbar dan pelbagai penulisan ilmiah tentang wakaf yang berkaitan dengan matlamat pembangunan mampan. Selain itu, pengkaji juga turut mendapatkan data daripada beberapa laman sesawang rasmi yang ada hubungkait antara wakaf dengan salah satu daripada matlamat yang terkandung dalam *SDG*. Bagi metode analisis data, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan dengan cara menganalisis kandungan dokumen-dokumen yang dinyatakan iaitu buku-buku, artikel, makalah, akhbar dan pelbagai penulisan ilmiah. Hasil daripada analisis kandungan terhadap data-data tersebut akan dipaparkan sebagai dapatan kajian dan akan dinilai adakah wakaf memberi sumbangan dan berpotensi dalam mencapai matlamat pembangunan mampan di Malaysia.



### Dapatan dan Perbincangan

*SDG* secara umumnya merupakan sebuah agenda global yang merangkumi tiga dimensi utama dengan nisbah 56 peratus kepada sektor sosial, 20 peratus sektor ekonomi dan 24 peratus sektor alam sekitar yang ingin dicapai pada tahun 2030 oleh Malaysia selari dengan matlamat PBB (Jabatan Statistik, 2018). Bagi menyumbang dalam menjayakan agenda tersebut pengkaji menganalisis dan menjelaskan sumbangan dan potensi wakaf di Malaysia yang selari dengan matlamat yang terkandung dalam *SDG*.

### Tiada Kemiskinan

Wakaf telah terbukti dalam usaha membasmi kemiskinan (Setiawan et.al, 2021). Menyedari akan kekuatan wakaf yang telah terbukti dalam meningkatkan ekonomi melalui keusahawanan, kerajaan telah melaksanakan satu inisiatif dengan memperuntukan sebanyak RM20,000,000.00 kepada Yayasan Wakaf Malaysia bagi menubuhkan wakaf mart dan bazar-bazar wakaf di seluruh negara. Projek ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri di Malaysia. Penubuhan wakaf mart dan bazar-bazar wakaf tersebut telah dibangunkan di bawah perancangan ‘projek kecil berimpak besar’ dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Tujuan projek ini adalah bagi membantu masyarakat miskin khususnya golongan asnaf agar dapat membangunkan sosio-ekonomi serta menaiktaraf hidup mereka dengan memberikan peluang pekerjaan dalam sektor keusahawanan. Wakaf mart dan bazar-bazar wakaf tersebut disewakan oleh pihak MAIN kepada golongan asnaf untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan. Seterusnya hasil sewaan yang dibayar kepada MAIN akan dijadikan sebagai aset wakaf bagi melaksanakan pembangunan wakaf di negeri masing-masing. Berikut merupakan beberapa contoh wakaf mart dan bazar wakaf yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:



**Rajah 2: 1 Unit Wakaf Mart Di Masjid Jamek Pekan Gemas, Negeri Sembilan.**

Sumber: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 3: 1 Unit Wakaf Mart Di Masjid Jamek Tunku Besar, Tampin, Negeri Sembilan.**

Sumber: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 4: 4 unit Bazar Wakaf Rakyat 2 tingkat di kawasan Masjid Balik Bukit, Jertih, Terengganu.**

Sumber: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 5: 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Chiku 7, Gua Musang. Kelantan.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 6: 4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid An- Najihin, Bandar Tasek Permaisuri, Kuala Lumpur.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 7: 6 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Kariah Rasah Jaya, Seremban, Negeri Sembilan.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 8: 4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Tapak Surau Pulau Besar, Pernu, Melaka Tengah, Melaka.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 9: 4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Seri Wangi, Mukim Linau, Parit Yaani, Batu Pahat, Johor.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



**Rajah 10: 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Baru Daerah Pekan, Pahang.**

Sumber: Laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia



Dengan penubuhan wakaf mart dan bazar-bazar wakaf tersebut, para asnaf yang merupakan golongan fakir dan miskin akan mendapat peluang mengubah taraf hidup mereka melalui sektor keusahawanan dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara Malaysia.

### ***Kesihatan dan Kesejahteraan***

Dalam aspek kesihatan dan kesejahteraan, wakaf dapat menjadi salah satu alternatif bagi membantu meringankan beban masyarakat dengan melaksanakan sistem perkhidmatan kesihatan yang berfungsi melalui ‘sumbangan rakyat’ (Norizah Mohamed & Asmak Ab Rahman, 2015). Jika kita menyelusuri sejarah, terdapat banyak hospital yang dibiayai melalui medium wakaf ketika zaman kegemilangan Islam. Majoriti hospital tersebut memiliki harta wakaf sendiri untuk membiayai para petugasnya. (Norizah Mohamed & Asmak Ab Rahman, 2015). Pada zaman pemerintahan khalifah Harun Al-Rashid, sumbangan wakaf telah terbukti memberi sumbangan yang besar terhadap sektor kesihatan di mana sekolah perbidanan dan juga hospital bersalin telah didirikan dan beroperasi. Selain itu, sumbangan wakaf turut diberikan kepada sektor perubatan dalam bentuk hartanah, peralatan hospital dan makmal bagi membantu masyarakat miskin mendapatkan rawatan. Kajian Ainul Kauthar et. al, (2014) menyatakan bahawa di Negara India juga telah dibina 700 buah hospital yang mana isnya dibiayai sepenuhnya oleh dana wakaf.

Di Malaysia juga telah wujud pusat rawatan dan kesihatan yang dibina dan dibiayai sepenuhnya dengan dana wakaf. Pusat rawatan tersebut telah dibina oleh Johor Corporation (Jcorp) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Pusat rawatan dan kesihatan tersebut diberi nama Hospital Waqaf An-Nur dan Klinik Waqaf An-Nur. Pusat rawatan ini menyediakan rawatan dialisis bagi pesakit buah pinggang yang berpendapatan kurang dari RM1000 sebulan (Mohamad et. al, 2014). Sehingga tahun 2022 terdapat 19 buah Klinik Waqaf An-Nur di Seluruh Malaysia iaitu 3 buah klinik, 8 buah klinik bergerak dan 8 buah klinik dengan perkhidmatan pusat dialisis (Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2022). Pulangan yang diperolehi daripada klinik dan hospital ini disalurkan kepada sektor pendidikan bagi meningkatkan pendidikan negara. Dengan itu, dapat dilihat bahawa peranan wakaf dalam kesihatan juga amat penting kerana ia dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan tanpa mengira bangsa dan agama. Malah, model wakaf yang dilaksanakan ini juga terbukti memberi sumbangan dalam sektor pendidikan.

### ***Pendidikan Yang Berkualiti***

Pendidikan merupakan faktor penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah peradabah. Melalui pendidikan akan lahirnya masyarakat yang bertamadun, berintelektual tinggi dan beretika. Pendidikan tertinggi merupakan pemangkin bagi melahirkan tenaga-tenaga pakar dan ilmuwan. Oleh itu peranan institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama (Siti Zakiah, 2014). Menurut Mohammad Alias & Fuadah (2014) Institusi wakaf mempunyai potensi yang besar untuk menyokong pembangunan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Mereka menjadikan Universiti al-Azhar di Kaherah Mesir sebagai contoh yang mana Universiti Al-Azhar ini dibangunkan berasaskan pembiayaan daripada harta wakaf. Universiti ini menyediakan peluang pendidikan secara percuma kepada semua pelajar Islam dari segenap pulusuk dunia. Pembiayaan universiti melalui sumber wakaf itu sangat membantu para pelajar yang kurang kemampuan dari sudut pembiayaan Pendidikan.

Di Malaysia beberapa buah IPT telah memperkenalkan konsep wakaf untuk membiayai keperluan universiti dan para pelajar (Siti Mashitoh & Asmak, 2014). Ini kerana Peranan wakaf dalam pendidikan tinggi adalah amat penting dalam usaha untuk meningkatkan tahap Pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Antara universiti yang telah melaksanakan skim wakaf bagi menyokong pendidikan adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang kini dinamakan dengan *endowment fund*. Antara fungsi skim ini adalah untuk mengumpulkan dana wakaf bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan, menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan, membangunkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan. (Siti Mashitoh & Asmak, 2014). Usaha dalam menyediakan dana wakaf pendidikan juga telah dilakukan oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Dana Wakaf Ilmu manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula telah melancarkan Tabung Pemberian Islam (Utusan Online, 2014). Selain itu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga telah mengambil inisiatif untuk mengetengahkan kaedah wakaf dalam aspek pembiayaan pembangunan pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Islam.

Bagi institusi pengajian tinggi swasta pula, Universiti Antarabangsa Al-Bukhari (AIU) di Negeri Kedah merupakan salah satu institusi yang dibiayai sepenuhnya oleh dana wakaf (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Antara lain adalah Akademi Kulinari Terengganu yang mana ia merupakan institusi yang dibiayai oleh Yayasan Wakaf Malaysia melalui Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dengan kerjasama pihak GIATMARA (Yayasan Wakaf Malaysia, t.t). Usaha wakaf pendidikan kini dilihat lebih rancak apabila pihak Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) di bawah Johor Corporation (Jcorp) telah menjalankan pelbagai projek di mana pulangan daripada wakaf tersebut digunakan bagi tujuan pendidikan (Mohd Husni et.al, 2015). Perkembangan ini juga jelas dapat dilihat bila mana beberapa buah IPTS juga sudah mengorak langkah dalam memperkenalkan skim wakaf untuk pembiayaan pendidikan dan pembangunan institusi. Antaranya Universiti Kolej Bestari yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) di Kuala Terengganu (Mohd Ali, 2015). Menurut Najibah Mustaffa & Mohd Zamro (2014), kajian mendapati pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan.

### ***Ketersediaan Pengurusan Air Dan Sanitasi Yang Mampan***

Air merupakan sumber utama dalam kehidupan sama ada manusia, haiwan dan jugsan tumbuhan. Menurut kajian, sebanyak 663 juta masyarakat seluruh dunia masih kekurangan akses sumber air minuman yang terawat. Selain itu, 2.4 bilion masyarakat dunia juga tidak mempunyai fasiliti sanitasi yang tidak sempurna. Hal ini disebabkan beberapa faktor antaranya faktor kewangan, keadaan geografi serta krisis pentadbiran. Antara insentif yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan pengenalan kepada mekanisme wakaf (Mohammad Nasrul & Muhammad Hakimi, 2016). Di Malaysia, 97% daripada sumber air adalah dari sungai. Hanya 3% air bawah tanah yang telah digunakan. Air dari sungai ini diambil oleh syarikat operator air di setiap negeri untuk dirawat dan dibekalkan kepada orang ramai dan industri (Md Khalid 2018). Namun demikian, hampir separuh sungai utama di Malaysia telah tercemar akibat tiada penguatkuasaan berkesan terhadap pencemar samada daripada sumber berpusat atau tidak berpusat (Rasyikah et.al, 2021).

Dalam usaha menyediakan sumber air bersih dan sanitasi, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh beberapa agensi secara langsung dan juga dengan kerjasama dengan beberapa pihak lain.

Antaranya Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan wakaf air melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia. Produk wakaf ini dinamakan Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air atau ringkasnya Wakaf Air. Ia dilancarkan pada tahun 2020. Wakaf Air akan membiayai projek perkhidmatan air di bawah RM50,000.00 dimana dana ini akan digunakan untuk penggalian perigi, pembelian alat ganti dan tangki simpanan air serta sambungan paip dengan punca air (Yayasan Wakaf Malaysia 2020). Sebelum KASA melancarkan wakaf air, konsep ini telah diamalkan oleh universiti-universiti awam dan badan bukan kerajaan dalam membantu penduduk-penduduk di luar bandar untuk mendapatkan air bersih. Antaranya Universiti Malaya dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta Islamic Relief Malaysia dan Serantau Muslim. Malah, mereka juga aktif membantu penduduk di negara-negara miskin seperti Kemboja dan Sudan dengan membina telaga dan perigi (Rasyidah et.al, 2021).

Menurut Mohammad Nasrul & Muhammad Hakimi (2016), model waqaf dalam pengurusan air terawat dan kemudahan sanitasi mampu menjadi instrumen pembiayaan bantuan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik. Dengan wujudnya model wakaf air seperti ini, maka wakaf jelas memainkan peranan penting dalam membentuk pembiayaan bagi menghulurkan sifat ihsan kepada masyarakat muslim yang mengalami kekurangan akses air dan kemudahan sanitasi (Mohammad Nasrul & Muhammad Hakimi, 2016).

### ***Pengembangan Kerjaya Dan Pertumbuhan Ekonomi***

Dari perspektif ekonomi Islam, wakaf dilihat sebagai salah satu instrumen dalam ekonomi Islam bersifat signifikan dan relatif dalam menangani permasalahan ekonomi (Muhamad Husni et al, 2022). Dalam hal ini wakaf telah terbukti berlakunya penularan wabak virus COVID-19 di seluruh dunia yang memberi kesan terhadap sosial masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian. Tambahan pula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan bagi mengekang penyebaran virus ini dalam kalangan masyarakat telah memberi kesan dan impak terhadap kegiatan ekonomi seharian khususnya pekerja dan peniaga yang terpaksa menghadkan aktiviti ekonomi mereka dan dalam jangka masa yang lama tempoh PKP ini telah menyebabkan mereka berhadapan dengan situasi kehilangan kerja, dipotong gaji dan terpaksa menutup operasi perniagaan. Implikasi ini menjadikan golongan ini akan kehilangan pendapatan atau kekurangan pendapatan untuk menjalani kehidupan seharian (Muhamad Husni et al, 2022).

Wakaf tunai juga dilihat berpotensi sebagai salah satu bentuk wakaf yang boleh dibentuk dan distruktur untuk mengatasi permasalahan ekonomi semasa COVID-19 khususnya pembentukan dana wakaf tunai yang boleh digunakan untuk membantu peniaga dan usahawa kecil dan sederhana yang terjejas, khususnya dari aspek aliran tunai bagi meneruskan kelangsungan perniagaan yang dijalankan. Pembentukan dana wakaf tunai adalah salah satu mekanisme terpantas dan berkesan dalam mengatasi dan mengurangkan kesan darurat yang berlaku ketika COVID-19. Pembentukan dana wakaf tunai ini mampu menampung kelangsungan rantai ekonomi negara yang terjejas akibat pelaksanaan PKP khususnya kepada industri kecil dan sederhana. Ini sekaligus dapat digunakan oleh usahawan untuk mengekalkan pekerja dan memastikan perniagaan berjalan dalam pengeluaran yang seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan kembali hasil pendapatan negeri dan negara (Muhamad Husni et al, 2020).

Tidak dapat dinafikan lagi wakaf merupakan instrumen kewangan Islam yang boleh membantu pembangunan ekonomi sesebuah negara. Wakaf yang distruktur dan diuruskan dengan baik dan efisien dapat dikembangkan lagi kepada sektor-sektor dan sub-sub ekonomi yang lain agar ianya memberi kesan positif dalam menampung perkembangan ekonomi dalam sesebuah negara (Muhamad Husni et al, 2015).

Setelah menganalisis dan meneliti sumbangan dan potensi wakaf dalam mencapai matlamat pembangunan mampan di Malaysia, pengkaji ringkaskan dapatan kajian seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Sumbangan Wakaf dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan**

Bil.	Sumbangan Wakaf dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan	Menyumbang & Berpotensi
1.	Tiada kemiskinan	✓
2.	Kesihatan dan kesejahteraan	✓
3.	Pendidikan yang berkualiti	✓
4.	Ketersediaan pengurusan air dan sanitasi yang mampan	✓
5.	Pengembangan kerjaya dan pertumbuhan ekonomi	✓

Sumber: Pengkaji

### Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa daripada tujuh belas matlamat dalam *SDG*, sebanyak lima daripadanya terbukti berpotensi disumbangkan melalui instrumen wakaf. Hal ini selaras dengan kenyataan Baihaki & Zakaria (2019) yang menyatakan bahawa fungsi dan peranan wakaf harus diperkasa dari segi potensinya kepada penjaan ekonomi, pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf pendidikan dan kesihatan, pembangunan penyelidikan dan sebagainya bagi kepentingan umat Islam. Bagi memperkasakan lagi peranan wakaf ke arah demikian, pengkaji melihat ianya wajar dilaksanakan menerusi medium wakaf tunai. Tabung wakaf tunai yang disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri masing-masing boleh dipecahkan secara khusus kepada tabung wakaf basmi kemiskinan, tabung dana kesihatan dan kesejahteraan, tabung pengurusan air dan sanitasi serta tabung sokongan kerjaya dan bantuan ekonomi. Selain dari itu, satu kajian wajar dilaksanakan bagi memastikan wakaf dapat berperanan dalam menjayakan kesemua matlamat pembangunan mampan di Malaysia.

### Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SSI13/UITM/02/25). Penulis juga mengucapkan terima kasih pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA kerana menyokong penyelidikan ini.

### Rujukan

Ainul Kauthar Karim, Arieff Salleh Rosman dan Azman Ab Rahman (2014). Konsep Wakaf Kesihatan & Perkembangannya Di Malaysia. *Proceedings of the Asean Islamic Endowment Seminar 2014 (IQLIMI 2014)*. 29th April 2014, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia. 463-483.

- Baihaki Abdullah & Zakaria Bahari (2019). Pengkomersial Tanah Wakaf Mengikut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Vol. 4, Issues. 2. 86-94.
- <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/09/tubuh-wakaf-pendidikan-tinggi/>
- Jabatan Statistik Malaysia (2018). The initial assessment of the sustainable development goals indicator for Malaysia. Putrajaya: Jabatan statistik Malaysia.
- Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, (2022).
- Laurence Chandy et al. (2018). Progress For Every Child In The SDGs Era. United Nations Children's Fund (UNICEF): New York
- Md Khalid, R. 2018. Review of the water supply management and reforms needed to ensure water security in Malaysia. *International Journal of Business and Society* 19: 472–483.
- Mohamad Khairul Izwan Rifin, Wan Kamal Mujani dan Izziah Suryani Mat Resad@Arshad (2014). Pembangunan Wakaf Dalam Sektor Keagamaan, Teknologi dan Kesihatan di Negeri Sembilan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia. 41-49.
- Mohammad Alias & Fuadah Johari, dalam <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/09/tubuh-wakaf-pendidikan-tinggi/>
- Mohammad Nasrul Hakim Roslan & Muhammad Hakimi Mohd Shafai, 2016, Potensi Wakaf dalam Pengurusan Bekalan Sumber Air Terawat di Kalangan Negara Islam Terpilih. *Proceeding Of The 3rd Conference On Malaysian Islamic Economics And Finance (Cmief) 2016*
- Mohd Ali Muhamad Don. (2015). Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi. *Prosiding International Conference on Malay Heritage and Civilisation (ICOMHAC2015)*. 16-17 Disember 2015. Century Helang Hotel, Pulau Langkawi.
- Muhamad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud & Mohammad Taqiuddin Mohamad (2015), Peranan Wakaf dalam Mengukuhkan Ekonomi Islam di Malaysia. *eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*.
- Muhamad Husni Hasbulah, Noorkartina Mohamad & Noor Saidatul Natrah Saaidun (2020). Potensi Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Semasa Pandemik COVID-19 Di Perlis: Kesan Pelaksanaan PKP Terhadap Ekonomi. *International Journal of Management Sciences, Information Technology and Accounting*. 1-14.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol. 1, No. 1. 45-58.
- Norizah Mohamed @ Haji Daud & Asmak Ab Rahman, 2015, Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes di Hospital Waqaf An-Nur. *Jurnal Syariah*, Jil. 3, Bil. 3, 401-434.
- Rasyidah Md. Khalid, Muhammad Amirul Ashraf A. Ghani, Muhamad Zawawi Jalaludin, Suhaimi Ab Rahman & Nurul Aini Yaacob, 2021, Waqaf Air dan Isu Perundangan di Malaysia. *Islamiyyat*, Jil 43 165-172
- Ritchie, Roser, Mispy, Ortiz-Ospina. (2018). Measuring progress towards the Sustainable Development Goals. (SDG 3) Diakses melalui laman sesawang: <https://sdg-tracker.org/good-health>. (Diakses pada: 12/1/2022)
- Setiawan Lahuri, Syamsuri, Imam Kamalulddin, Yunita Wulandari. (2021). The Role of Zakat and Waqf in Sustainable Development Goals (SDGs). *Albukhary Social Business Journal*. Vol. 2, Issue 2. 34-41.
- Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman (2014). Waqf financing For Higher Education: Contemporary Funding Applications in Some Selected Countries, dlm. Wan



- Kamal Mujani. (2014). pnyt. Pelestarian nstitusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Siti Zakiah Ali. (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Prosiding PERKEM Ke-9. 216-225.
- Sustainable Development Goals Fund. (2020). Goal 8: Decent work and economic growth. Diakses melalui laman sesawang: <https://www.jointsdgfund.org/sustainable-development-goals/goal-8-decent-work-and-economic-growth>. (Diakses pada: 2/1/2022)
- Sustainable Development Goals Report. (2020). Goal 8: Decent work and economic growth. Diakses melalui laman sesawang: <https://undesa.maps.arcgis.com/apps/MapSeries/index.html?appid=49119ad4fb9845469f7270acc5380a19>. Do. (Diakses pada: 13/12/2021)
- United Nations Development Programme. (2016). Goal 5: Gender Equality, UNDP. Sustainable Development Goals Report. New York: United Nations. 978-92-1-101340-5.
- United Nations Development Programme. (2021). Human Development Report. Diakses melalui laman sesawang: <http://hdr.undp.org/> (Diakses pada: 14/1/2022)
- United Nations Development Programme. UNDP. (2015). Goal 7: Affordable and clean energy. UNDP. Diakses melalui laman sesawang: <https://www.undp.org/sustainable-development-goals-old#affordable-and-clean-energy>. (Diakses pada 12/1/2022)
- United Nations Resolution. (2015). Resolution adopted by the General Assembly on 25 September 2015, Transforming our world: the 2030 Agenda for Sustainable Development. A/RES/70/1.
- United Nations Resolution. (2017). Resolution adopted by the General Assembly on 6 July 2017, Work of the Statistical Commission pertaining to the 2030 Agenda for Sustainable Development. A/RES/71/313
- Yayasan Wakaf Malaysia. <https://www.ywm.gov.my/produk-wakaf#sijil-wakaf-tunai-pendidikan>
- Yayasan Wakaf Malaysia. <https://www.ywm.gov.my/wakaf-air>